

AKHBAR : BH AHAD
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : NASIONAL

Penurunan ringgit beri kesan minimum perolehan ubat

Tanjong Karang: Nilai mata wang yang mengurang ketika ini hanya memberi kesan minimum terhadap perolehan dan pembelian ubat-ubatan dari luar negara.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, berkata Kementerian itu melakukan kaedah pelindungan nilai (*hedging*) bagi mengelakkan mereka melaksanakan perolehan ubat-ubatan dalam harga yang tinggi.

"Dalam apa-apa perolehan pun, kami sudah buat *hedging*. *Hedging* ini maknanya kami Kementerian Kesihatan (KKM) melakukan pembelian lebih awal. Dari segi kewangan, kami laksanakan kaedah itu bagi mengelak daripada terkena mata wang yang berubah.

"Jadi, kami beli dan *lock in* awal. Oleh kerana itu, walaupun sehari dua ini mata wang kita mengurang sedikit, tapi sebenarnya (pembelian ubat-ubatan dari luar negara) berbayar de-

nilai yang telah kami *lock in* terdahulu," katanya.

Beliau berkata kepada pemberita selepas Majlis Penyerahan Projek Pembinaan Klinik Pergigian Tanjong Karang yang akan mula beroperasi pada 4 Mac depan.

Dalam pada, Dr Dzulkefly berkata kadar pertukaran mata wang rendah ketika ini juga turut mendatangkan kesan positif khususnya dari sektor pelancongan perubatan kerana lebih ramai pesakit dari luar negara akan mendapatkan rawatan kesihatan dalam negara.

Terdahulu, Dr Dzulkefly dalam ucapannya berkata, Klinik Pergigian Tanjong Karang baharu dengan keluasan 1.21 hektar bersebelahan Hospital Tanjong Karang di Kilometer 8, Sungai Terap di sini itu, mula dibina pada 15 Jun 2020 dan siap pada 29 Disember 2023 dengan menelan belanja sekitar RM13 juta. BERNAMA



Dzulkefly meninjau kemudahan di klinik pada Majlis Penyerahan Projek Pembinaan Klinik Pergigian Tanjong Karang, semalam. (Foto BERNAMA)

3 syor tangani tunggakan bil perubatan warga asing

MMA gesa kerajaan lebih serius atasi isu pendatang elak bebaskan sistem kesihatan negara

Oleh Fahmy A Rosli
fahmy.azril@bh.com.my

Kuala Lumpur: Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) mengemukakan tiga syor kepada Kementerian Kesihatan (KKM) bagi menangani isu tunggakan bil perubatan membabitkan warga asing di klinik dan hospital kerajaan, bagi mengelak terus menjadi bebanan kepada sistem penjagaan kesihatan negara.

Presiden MMA, Dr Azizan Abdul Aziz, berkata syor pertama ialah satu mekanisme perlu diperkenalkan oleh kerajaan bagi memastikan semua pesakit warga asing membayar bil perubatan sebaik mendapatkan rawatan di fasiliti kerajaan.

"Satu mekanisme hendaklah dibangunkan dalam usaha memastikan semua pesakit warga asing memenuhi kewajipan melunaskan sebarang bayaran rawatan perubatan yang mereka terima.

Warga asing tak bayar bil hospital RM100 juta

Keratan akhbar BH, 18 Februari lalu.

"Bagi menjayakan pendekatan seperti ini, sudah pasti ia menuntut libat urus dan kerjasama dengan pemegang taruh bagi mendapatkan input berkaitan," katanya kepada BH.

Syor kedua, Dr Azizan berkata, MMA menggesa supaya kerajaan serius dalam menangani isu pendatang asing tanpa izin (PATI) menerusi strategi atau pendekatan yang lebih berkesan, berbanding langkah diambil sekarang.

Beliau menyuarakan kebimbangan sekiranya isu berkenaan tidak dapat dikawal, terdapat risiko perlu ditanggung dari segi peningkatan kos-bil perubatan sehingga menambahkan lagi bebanan kepada kerajaan.

"Kami menggesa kerajaan supaya bersikap tegas terhadap majikan yang mengambil PATI. Seperti yang dilaporkan, isu ini akan membebaskan sistem penjagaan kesihatan negara," katanya.

Dalam masa sama, Dr Azizan mahu kerajaan aktif dalam menjalinkan kerjasama dengan



Kebanjiran warga asing menyebabkan peningkatan kos bil perubatan sehingga menambahkan lagi bebanan kerajaan. (Foto Aizuddin Saad/BH)

semua kedutaan asing dalam menangani isu PATI.

Libat urus kedutaan asing

Katanya, pejabat kedutaan asing perlu bertanggungjawab jika ada dalam kalangan warga mereka yang memasuki negara ini secara haram kerana itu bukan isu yang perlu dipikul satu pihak sahaja.

"Syor ketiga, kami juga meng-

Satu mekanisme hendaklah dibangunkan dalam usaha memastikan semua pesakit warga asing memenuhi kewajipan melunaskan sebarang bayaran rawatan perubatan yang mereka terima



Dr Azizan Abdul Aziz, Presiden MMA

juta setakat tahun lalu.

Ramai warga asing terutama PATI dikenal pasti apabila menjadi penyumbang hutang itu apabila gagal melunaskan tunggakan bil perubatan di klinik serta hospital kerajaan.

Difahamkan, warga asing yang "berhutang" dengan hospital kerajaan dalam bentuk bil perubatan membabitkan 38 negara sejak beberapa tahun lalu.

Selain negara rantau Asia seperti India, Myanmar dan Indonesia, terdapat juga warga asing terbahit dari negara maju seperti United Kingdom (UK), Amerika Syarikat (AS), Jerman, Finland, Singapura, Sweden dan Jepun.

Keadaan ini diburukkan lagi apabila terdapat kelompokan sistem rekod serta pengesanan pesakit warga asing di hospital awam sehingga mereka mudah melepaskan diri.

AKHBAR : METRO AHAD
MUKA SURAT : 12
RUANGAN : LOKAL



PETUGAS Pasukan Bergerak Orang Asli (PBOA) Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Gua Musang mengambil ukuran sebahagian anak-anak Orang Asli ketika di sekitar perkampungan Orang Asli di Pos Hau, baru-baru ini. Tinggal di kawasan pedalaman Pos Hau ia kelihatan sukar buat penduduk untuk mendapatkan perkhidmatan kesihatan terbaik namun klinik bergerak oleh PBOA yang cekal meredah hutan belantara memberi sinar buat wanita Orang Asli suku kaum Temiar. Sebulan sekali PBOA akan datang ke kampung ini mengikut jadual dan tarikh bagi memudah untuk buat-sebarang perancangan. Selain pemeriksaan kesihatan ibu dan anak, klinik bergerak PBOA turut menawarkan perkhidmatan kesihatan seperti pemeriksaan saringan diabetes, bacaan tekanan darah, pemeriksaan ibu mengandung serta rawatan pesakit luar.

AKHBAR : KOSMO AHAD
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NEGARA



DR. DZULKEFLY (kiri) meninjau kelengkapan yang ada di Klinik Pergigian Tanjong Karang semalam.

Ringgit jatuh beri kesan minimum kos ubat dari luar negara

KUALA SELANGOR – Kejatuhan nilai ringgit ketika ini hanya memberikan kesan minimum kepada kerajaan untuk membeli ubat-ubatan dari luar negara.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad berkata, hal ini disebabkan kerajaan telah membuat pembelian awal beberapa jenis ubat sebelum berlakunya situasi itu.

"Pembelian ubat ini kita gunakan kaedah *hedging* yang merupakan satu kaedah kewangan iaitu mengelak daripada terkena (kesan) daripada mata wang yang sentiasa berubah.

"Jadi, kita beli awal dan tetapkan harga sebelum sampai ke negara ini.

"Mungkin sehari dua ini mata wang kita menjunam, tetapi kita masih selamat kerana kita sudah beli ubat pada harga yang ditetapkan terlebih dulu," katanya selepas majlis penyerahan Klinik Pergigian Tanjong Karang di sini semalam.

Menurut beliau, kerajaan hanya membeli ubat-ubatan dari luar negara telah tamat

tempoh patennya atau tiada syarikat farmaseutikal tempatan yang dapat menghasilkan generik sesebuah ubat itu dengan baik.

Bagaimanapun beliau menegaskan, kerajaan sentiasa mengutamakan pembelian ubatan daripada syarikat farmaseutikal tempatan.

"Jadi kesan kejatuhan ringgit terhadap perolehan pembelian ubat adalah minimum."

"Terdapat kesan baik daripada kejatuhan nilai ringgit iaitu lebih ramai pesakit luar negara yang akan datang ke Malaysia bagi mendapatkan rawatan pelbagai penyakit di pusat perubatan tempatan," ujarnya.

Mengulas mengenai Klinik Pergigian Tanjong, Karang Dr. Dzulkefly memaklumkan, klinik tersebut akan beroperasi pada 4 Mac ini dengan kos pembinaannya bernilai RM13 juta.

"Dianggarkan seramai 50 pesakit yang dapat dirawat dalam tempoh sehari.

"Klinik itu dilengkapi dengan lapan kerusi pergigian, bilik X-ray intraoral dan makmal pergigian," ujarnya.

AKHBAR : SINAR AHAD
MUKA SURAT : 9
RUANGAN : NASIONAL

SINAR AHAD | 25 FEBRUARI 2024

NASIONAL | 9

Tidak jejas pembelian ubat

Nilai mata wang menurun ketika ini hanya beri kesan minimum perolehan ubat dari luar negara

TANJONG KARANG

Nilai mata wang yang mengurangkan ketika ini hanya memberi kesan minimum terhadap perolehan dan pembelian ubat-ubatan dari luar negara.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, ini kerana kementerian itu telah melakukan kaedah perlindungan nilai (*hedging*) bagi mengelakkan mereka melaksanakan perolehan ubat-ubatan dalam harga tinggi.

"Dalam apa-apa (bentuk) perolehan pun, kami sudah buat *hedging*. *Hedging* ini maknanya kami (Kementerian Kesihatan) telah melakukan pembelian lebih awal. Dari segi kewangan, kami laksanakan kaedah itu bagi mengelak daripada terkena mata wang yang berubah.

"Jadi kami beli dan *lock in* awal. Oleh kerana itu walaupun sehari dua ini mata wang kita sedikit mengurangkan, tapi sebenarnya (pembelian ubat-ubatan dari luar negara) berbayar dengan harga yang telah kami *lock in* terdahulu," katanya.

Beliau berkata kepada pemberita selepas Majlis Penyerahan Projek Pembinaan Klinik Pergigian Tanjong Karang yang akan mula beroperasi pada 4 Mac depan.



Dr Dzulkefly (kiri) meninjau kemudahan yang terdapat di klinik pergigian sempena Majlis Penyerahan Projek Klinik Pergigian, Hospital Tanjong Karang pada Sabtu.

Dalam pada itu, Dr Dzulkefly berkata, kadar pertukaran mata wang rendah ketika ini turut mendatangkan kesan positif khususnya daripada sektor pelancongan perubatan kerana lebih ramai pesakit dari luar negara akan mendapatkan rawatan kesihatan dalam negara.

Terdahulu, Dr Dzulkefly dalam ucapannya berkata, Klinik Pergigian Tanjong Karang baharu dengan keluasan 1.21 hektar bersebelahan Hospital Tanjong Karang di Kilometer 8, Sungai Terap di sini itu mula dibina pada 15 Jun 2020 dan siap pada 29 Disember 2023 dengan menelan belanja sekitar RM13 juta.

"Bangunan baharu ini menempatkan klinik pergigian primer, unit kepakaran ortodontik serta Pejabat Kesihatan Pergigian Daerah Kuala Selangor yang merupakan pusat tanggungjawab (PTJ) bagi menguruskan perkhidmatan serta pentadbiran pergigian daerah Kuala Selangor.

"Klinik ini dilengkapi dengan lapan kerusi pergigian iaitu lima

kerusi pergigian primer dan tiga kerusi pergigian untuk unit ortodontik serta bilik X-ray intraoral dan makmal pergigian bagi penyediaan prostesis pergigian termasuk gigi palsu dan aplian," katanya.

Dr Dzulkefly berkata, selepas sesi penyerahan klinik tersebut, KKM akan segera memulakan proses perpindahan peralatan sedia ada dari klinik lama (di Pekan Tanjong Karang) ke klinik baharu yang dilaksanakan secara berperingkat bermula Isnin depan (26 Februari).

"Bangunan klinik lama akan ditutup dan tidak digunakan sebaik sahaja pengoperasian klinik di bangunan baharu bermula.

"Dengan wujudnya bangunan baharu ini, jangkaan peningkatan dan kehadiran kira-kira 50 pesakit secara pusat setiap hari akan berlaku kerana lokasi klinik yang strategik, selesa serta penambahan bilangan kerusi pergigian yang memudahkan pesakit mendapatkan rawatan pergigian. - *Bernama*

AKHBAR : SUNDAY STAR
 MUKA SURAT : 9
 RUANGAN : NATION

That's not just a tummy ache, it may actually be typhoid

By ZAKIAH KOYA
 zakiah@thestar.com.my

PETALING JAYA: There is a need for greater awareness of acute gastroenteritis (AGE) as some cases may involve typhoid, which would make patients carriers for up to a year, say medical experts.

With the coming fasting month and its related bazaars and buka puasa (breaking fast) buffets, they said it was imperative that the public – from food handlers to consumers – know about the severity of AGE and typhoid to ensure they seek the right treatment on time.

Although there has been no increase in typhoid cases nationwide, experts said awareness

would play a big role in keeping outbreaks to a minimum.

General practitioner Dr Zafrina Burukan said Malaysians tend to take AGE symptoms lightly and usually would not want to do further checks.

"Should AGE cases turn out to be typhoid, the symptoms could worsen if the patient has underlying conditions.

"Those who are taking the typhoid vaccine do so because of city council requirements to acquire trading licences. The understanding of why they are taking the jabs is low," said Dr Zafrina.

Typhoid fever, caused by Salmonella Typhi bacteria, poses a severe threat to health. It typi-

cally spreads through contaminated food or water, and once ingested, the bacteria multiply and infiltrate the bloodstream.

While some individuals recover from typhoid fever, they may become carriers, harbouring the bacteria and shedding it in their faeces.

To mitigate the risk of transmission, city councils nationwide have implemented regulations mandating typhoid vaccination for food handlers.

For instance, the Petaling Jaya City Council, under its Food Handlers Bylaw 1979, requires food handlers to receive typhoid vaccination every three years.

According to an MBPJ spokesperson, all food outlet owners and

workers must provide a typhoid vaccine certificate issued by a government health facility to obtain trading permits.

Meanwhile, public health expert Prof Dr Sanjay Rampal of Universiti Malaya said food and shop hygiene should influence purchasing behaviour.

"We should not buy food if the shops or their kitchens appear dirty.

"When buying from street vendors, we should pay attention to how cleanly the sellers prepare and keep the food.

"Handwashing plays a very important role in preventing food poisoning. Avoid or leave places where there is no soap or water to wash your hands. The risk of food

poisoning increases when food handlers don't practise safe hand hygiene.

"There is no need for food delivery drivers and riders to get the jab as they do not handle food per se, but those involved in the informal food economy should strongly consider vaccination.

"Food poisoning is associated with how food is prepared, stored, delivered, and consumed. The risk of food poisoning is reduced if all the stages are done in a clean and hygienic manner," said Prof Sanjay.

The Health Ministry said that there has been no increase in typhoid cases but advised the public to choose where they eat out.